



## FINAL EXAMINATION

### NOVEMBER 2022

---

COURSE TITLE

BAHASA KEBANGSAAN A

COURSE CODE

MPU3213

DATE/DAY

14 FEBRUARY 2023 / TUESDAY

TIME/DURATION

02:30 PM - 04:30 PM / 02 Hour(s) 00 Minute(s)

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES :**

1. Please read the instruction under each section carefully.
2. Candidates are reminded not to bring into examination hall/room any form of written materials or electronic gadget except for stationery that is permitted by the Invigilator.
3. Students who are caught breaching the Examination Rules and Regulation will be charged with an academic dishonesty and if found guilty of the offence, the maximum penalty is expulsion from the University.

(This Question Paper consists of 11 Printed Pages including front page)



## FINAL EXAMINATION

### NOVEMBER 2022

---

COURSE TITLE

BAHASA KEBANGSAAN A

COURSE CODE

MPU3213

DATE/DAY

18 FEBRUARY 2023 / SATURDAY

TIME/DURATION

05:00 PM - 07:00 PM / 02 Hour(s) 00 Minute(s)

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES :**

1. Please read the instruction under each section carefully.
2. Candidates are reminded not to bring into examination hall/room any form of written materials or electronic gadget except for stationery that is permitted by the Invigilator.
3. Students who are caught breaching the Examination Rules and Regulation will be charged with an academic dishonesty and if found guilty of the offence, the maximum penalty is expulsion from the University.

(This Question Paper consists of 11 Printed Pages including front page)

**Kertas soalan ini mengandungi TIGA (3) bahagian. Jawab SEMUA soalan pada bahagian A dan B manakala EMPAT (4) soalan pada bahagian C. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. (50 MARKAH)**

**BAHAGIAN A (10 Markah)**

Terdapat DUA (2) soalan berdasarkan petikan. Baca dengan teliti petikan tersebut, kemudian jawab SEMUA soalan yang dikemukakan dengan menggunakan ayat sendiri.

**Soalan 1- Petikan cerpen**

Saya hayati cerita bonda tentang sejarah yang hampir memusnahkan negara ini. Kota besar itulah yang menjadi gelanggang pertumpahan darah dan korban kematian yang bukan sedikit. Semuanya berlaku angkara kejahilan terhadap salasilah tanah air yang terpecah kepada pagar-pagar perkauman yang tebal.

Justeru, saya bertekad memenuhi dahulu dada saya dengan segala ilmu pengetahuan dan pengalaman di tanah desa halaman ini sebelum saya bersedia mencampakkan diri saya dengan gelora kota.

Saya ingin memahirkan lidah dengan bahasa ibunda kerana inilah saja khazanah warisan tinggalan bangsa yang mendiami bumi ini sejak sekian lama. Ilmu-ilmu berkaitan kewajipan perlu memenuhi dada saya sebagai benteng ampuh daripada segala anasir dan gejala hitam yang boleh meruntuhkan keperibadian sebelum bersedia untuk mengatur gerak langkah membina dunia baharu di ibu kota agung itu.

Lantas berkali-kali pesan bonda kepada saya supaya memelihara agama dan bahasa ibunda jika ingin terus dihormati dan disegani sebagai bangsa agung dan bermaruah. "Bumi ini milik kita. Nenek moyang kitalah yang berjuang dengan akal kebijaksanaan serta semangat keperwiraan untuk membebaskan tanah air ini daripada belenggu penjajah. Lebih kurang lima ratus tahun lamanya tanah watan ini dijajah oleh kuasa asing, bangsa kita merempat dan menjadi rakyat kelas ketiga di tanah air sendiri. Hak dan maruah kita dicabul, Mel."

Dipetik daripada cerpen 'Munsyi'  
oleh Husna Nazri,  
Dalam antologi *Jaket Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan petikan di atas, nyatakan cita-cita Mel sebelum berhijrah ke bandar. (2 markah)
- (ii) Sejarah merupakan kajian mengenai seluruh perkembangan proses perubahan dinamika kehidupan masyarakat pada masa lalu. Pada pendapat anda, apakah kepentingan mempelajari sejarah tanah air kepada generasi muda? (2 markah)
- (iii) Huraikan **SATU (1)** persoalan yang terdapat dalam petikan di atas. (2 markah)

## Soalan 2- Petikan Umum

Pengambilan sarapan ialah *amalan rutin* bagi sesetengah orang. Amalan ini dilakukan pada setiap pagi dan sebelum memulakan sesuatu urusan seperti belajar atau bekerja. Namun begitu, bagi sesetengah orang, bersarapan bukanlah satu kewajipan dalam kehidupan mereka. Ramai yang tidak mengetahui bahawa pengambilan sarapan merupakan pemula aktif bagi metabolisme untuk membantu membakar kalori sepanjang hari. Tinjauan Pemakanan Dewasa Malaysia melaporkan, golongan dewasa berusia antara 18 hingga 39 tahun tidak gemar mengambil sarapan berbanding makan tengah hari dan malam.

Pengambilan sarapan secara tidak langsung dapat membekalkan tenaga dan nutrien yang diperlukan oleh badan untuk melakukan urusan sehari-hari selain membantu seseorang untuk fokus di tempat kerja atau sekolah. Oleh hal yang demikian, sarapan tidak sepatutnya dipandang ringan oleh setiap individu. Masyarakat tidak menyedari bahawa terdapat banyak impak negatif sekiranya mengabaikan sarapan. Orang yang tidak bersarapan berasa lebih lapar dan cenderung untuk makan dalam kuantiti yang banyak pada waktu makan seterusnya. Sesetengah masyarakat berpendapat bahawa makanan alternatif seperti madu dan minyak zaitun boleh diambil ketika sarapan kerana makanan tersebut dapat membekalkan tenaga kepada pengambilnya.

Banyak kajian mendapati bahawa sarapan mampu meningkatkan ingatan dan tumpuan seseorang, malahan dapat menurunkan tahap kolesterol jahat, iaitu lipoprotein berketumpatan rendah di dalam darah. Kolesterol ini amat membahayakan kesihatan diri kerana boleh menyebabkan pemendekan lemak dan menyempitkan salur darah. Selain itu, pengambilan sarapan juga dapat mengurangkan risiko penyakit kronik. Oleh hal yang demikian, mereka yang mengabaikan sarapan boleh membawa kepada risiko mendapat penyakit berbahaya.

Waktu yang paling optimum untuk mengambil sarapan adalah antara 30 minit hingga dua jam selepas terjaga daripada tidur. Pengambilan sarapan mampu

membantu individu yang mahu menurunkan berat badan. Makanan yang tinggi seratnya boleh mengenyangkan dalam tempoh yang lama dan mengurangkan selera makan. Mereka yang mempunyai tahap kolesterol di dalam darah disarankan mengambil sarapan supaya metabolisme badan dan komposisi kolesterol di dalam darah dapat dioptimumkan. Kesimpulannya, masyarakat yang mementingkan kesihatan perlu mengutamakan pengambilan sarapan pada setiap hari. Antara sajian sarapan yang disyorkan oleh pakar pemakanan ialah makanan yang sihat, seimbang dan lengkap dengan kandungan karbohidrat, protein, lemak serta sayur-sayuran.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Sarapan Cegah Penyakit'  
oleh Mohd. Faizal Mat Salleh,  
Dewan Kosmik, Bil 9/2018

- (i) Berikan maksud rangkai kata *amalan rutin*. (2 markah)
- (ii) Pengarang ada mengemukakan beberapa kesan sekiranya masyarakat tidak mengambil sarapan. Nyatakan kesan-kesan tersebut. (2 markah)

**BAHAGIAN B** (20 Markah)

Jawab **SEMUA** soalan di bawah.

- a) Bina **DUA (2)** ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas. (4 markah)
- (i) sepak  
(ii) bela
- b) Tulis **SATU (1)** ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan anda faham maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas. (4 markah)
- (i) menjalani

- (ii) menjalankan
- (iii) menaiki
- (iv) menaikkan

c) Isi tempat kosong dengan kata hubungan yang bersesuaian. (4 markah)

- (i) Ahmad lulus ujian itu \_\_\_\_\_ adiknya gagal.
- (ii) Para pengguna hendaklah mengikis sikap gopoh-gapah \_\_\_\_\_ di jalan raya untuk mengelakkan kemalangan.
- (iii) Rangkaian batu karang di perairan Miri dikenal pasti \_\_\_\_\_ kawasan batu karang yang tercantik di dunia.
- (iv) Kerajaan berusaha \_\_\_\_\_ mempelbagaikan asas ekonomi negara agar sentiasa berkembang dan maju.

d) Pilih jawapan yang paling tepat. (8 markah)



- (i) Sultan \_\_\_\_\_ pemimpin yang banyak berjasa kepada negara itu bintang kebesaran.
  - A menghadiah
  - B menghadiahkan
  - C menganugerahi
  - D menganugerahkan

- (ii) Fikiran Ammar masih \_\_\_\_\_ sama ada hendak turut serta dalam perkhemahan itu atau tidak.
- A susup-sasap  
B bolak-balik  
C gelap-gelita  
D gembar-gembur
- (iii) Sikap Cik Suraya Murai yang \_\_\_\_\_ menyebabkan rakan sekerjanya berasa tidak selesa semasa bercakap dengannya.
- A cakap lepas  
B duri berbisa  
C adu domba  
D mulut tempayan
- (iv) Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.
- I Kami berasa lega apabila dapat *melurutkan* kaki di dalam khemah selepas berkawal sepanjang hari.  
II Fawwaz Amir *melurutkan* padi daripada tangainya untuk dimasukkan ke dalam bekas.  
III Zafri Aiman terpaksa *melurutkan* kertas yang telah direnyuk itu untuk membaca catatan di dalamnya.  
IV Sebelum mandi di air terjun, gadis itu *melurutkan* cincin di jari manisnya.
- A I, II dan III sahaja  
B I, II dan IV sahaja  
C I, III dan IV sahaja  
D II, III dan IV sahaja


- (v) Nur Amelina sentiasa bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu sehingga berjaya ibarat \_\_\_\_\_.
- A sarang tebuan jangan dijolok
  - B sebab pulut santan binasa sebab mulut badan merana
  - C genggam bara api, biar sampai jadi arang
  - D lain duduk lain ikannya
- (vi) Para pedagang yang berlabuh di Melaka menggunakan \_\_\_\_\_ untuk berkomunikasi antara satu sama lain.
- A bahasa Melayu
  - B Bahasa Melayu
  - C Bahasa melayu
  - D bahasa melayu
- (vii) Saya sungguh \_\_\_\_\_ kerana tidak sempat berjumpa dengan kawan lama saya di majlis itu.
- A terharu
  - B terkilan
  - C terasa
  - D tersinggung
- (viii) Banyak orang mengatakan bahawa bencana alam yang berlaku ketika ini berpunca \_\_\_\_\_ kerakusan manusia memanipulasi sumber alam.
- A dari
  - B daripada
  - C pada
  - D oleh

**BAHAGIAN C**

**(20 Markah)**

Pilih dan jawab hanya **EMPAT (4)** soalan yang dikemukakan di bawah.

1. Bahasa Melayu merupakan bahasa yang berada di dalam lingkungan Austronesia. Berdasarkan *gambar rajah 1*, jawab soalan-soalan yang dikemukakan.



Gambar rajah 1

- Nyatakan keluasan rumpun Austronesia? (1 markah)
- Bahasa yang terdapat dalam Kepulauan Sumatera adalah tergolong dalam terletak di bawah keluarga bahasa \_\_\_\_\_. (1 markah)
- Hawaii, Samoa, Easter dan Tonga terletak dalam keluarga \_\_\_\_\_. (1 markah)
- Jelaskan asal usul bahasa Melayu berdasarkan pendapat James T.Collins dan Bern Nothofer. (2 markah)

2. Penulisan surat rasmi mempunyai pelbagai tujuan dan penyusunan bahasa perlulah mengikut format menulisnya dengan betul. Berdasarkan *gambar rajah 2*, jawab soalan-soalan yang dikemukakan.

Kelab Rekreasi Bandar Tun Razak  
56000,Bandar tun razak  
Kuala Lumpur

Puan Munah Binti Musa  
Unit Kokurikulum,  
Institut Perguruan Ilmu Khas  
56000 Cheras,  
Kuala Lumpur

20 JANUARI 2010

Tuan.  
MEMOHON JURULATIH BAGI MENGENDALIKAN AKTIVITI REKREASI PADA  
PERKHEMAHAN KELAB REKREASI BANDAR TUN RAZAK TAHUN 2010

Merujuk kepada perkara diatas.Saya sebagai setiausaha kelab Rekreasi SMKBK ingin memohon jurulatih dari pihak tuan untuk menjalankan aktiviti fizikal pada Program Perkhemahan Kelab Rekreasi Pada tahun 2010 yang diadakan di Hutan Lipur Ulu Bendul

2. Butir-Butir perkhemahan adalah seperti berikut,

Tarikh :22 Februari 2010 - 24 Februari 2010

Bil peserta :40 Orang peserta

Tempat :Hutan Rekreasi Ulu Bendul

Aktiviti-aktiviti :Flying fox,Absailing,water confident dan berakit

3. Saya juga memohon supaya pihak tuan dapat menyediakan alatan untuk kami menjalankan aktiviti di atas ini kerana pihak kami tidak mempunyai alatan yang cukup dan diragu tahap keselamatafnnya untuk menjalankan aktiviti yang dirancang.

Bersama-sama surat ini,saya sertakan salai tentang program untuk tindakan pihak tuan.Saya berharap agar pihak tuan dapat mempertimbangkan permohonan kami ini.Kerjasama dari pihak tuan amat kami hargai.

Sekian Terima Kasih

Saya yang menurut perintah,

(Nur Aizuddin bin Mohammad Jonet)

Setiausaha

Kelab Rekreasi BTR

S/K:pengerusi

*Gambar rajah 2*

(i) Jelaskan DUA (2) tujuan utama surat rasmi ini ditulis? (2 markah)

(ii) Berdasarkan *gambar rajah 2*, nyatakan (3 markah)

- a. Penutup komplimentari
- b. Pengakuan penulis
- c. Jawatan penulis

3. Prinsip sebutan bahasa Melayu ditandai dengan bunyi vokal, konsonan dan diftong.
- Berapakah bilangan vokal asli bahasa Melayu? (1 markah)
  - Bagaimanakah proses pengujaran bunyi fonem vokal? (2 markah)
  - Nyatakan DUA (2) contoh kata yang mengandungi vokal depan luas. (1 markah)
  - Apakah fonem vokal belakang sempit? (1 markah)
4. Laras bahasa ialah subset sesuatu bahasa yang digunakan untuk tujuan yang tertentu. Berdasarkan *gambar rajah 3*, jawab soalan yang dikemukakan.



Gambar rajah 3

- Apakah laras bahasa yang digunakan dalam *gambar rajah 3*? (1 markah)
- Mengapakah laras bahasa ini berbeza dengan laras bahasa iklan? (4 markah)

5. Cerpen bermaksud cerita pendek manakala penulisan cerpen pula mengandungi plot, tema, nilai, teknik atau kaedah menulis cerpen yang berbeza dengan penulisan sebuah novel.

- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan plot dan tema dalam cerpen? (2 markah)
- (ii) Terangkan **TIGA (3)** teknik yang boleh digunakan untuk menulis cerpen yang berkesan. (3 markah)

\*\*\* KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT\*\*\*

